



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pusat
Penerbitan
Universiti (UPENA)

Jurnal SKRIN Malaysia

VOLUME 4 • 2007 • ISSN 1823-1020

Filem di Malaysia perlukan falsafah?

Historical representation in *Gandhi* and *Sardar*

European art cinema narrative

Pengisian budaya dalam filem Melayu

On *Gol & Gincu*

Qualitative audience analysis research

Apakah Filem di Malaysia Memerlukan Falsafah? – Beberapa Permasalahan dalam Pemikiran, Pengajian, Penyelidikan dan Pendidikan Perfileman

Makalah ini cuba mewacanakan tentang keperluan falsafah dalam konteks pemikiran filem dengan menyusuri beberapa persoalan yang berkaitan dengan pengajian, penulisan, penyelidikan dan pendidikan perfileman di Malaysia. Apatah lagi dalam menghadapi cabaran globalisasi hari ini yang banyak melibatkan sains dan teknologi, kefahaman tentang 'embodiment' teknologi itu sendiri perlu ada. Makalah ini cuba membincangkan tentang kepentingan budaya penulisan dalam mengangkat pemikiran filem, dan seterusnya melihat tentang kurikulum pendidikan perfileman. Selain itu, makalah ini juga mencadangkan ditubuhkan sebuah pusat penyelidikan filem negara – Institut Pengajian Filem Nasional bagi mengangkat filem sebagai ekspresi budaya, sosial dan aspirasi bangsa dan negara, agar filem bukan dilihat sebagai medium hiburan semata-mata.

Pengenalan

Tajuk makalah ini seolah-olah membayangkan pembelaan *domain* falsafah dalam sesebuah wacana tentang filem. Atau ia membayangkan bahawa falsafah merupakan sesuatu perbincangan tidak sah di tengah-tengah kancah penerbitan dan penontonan filem di Malaysia. Filem merupakan manifestasi kepada modenisme dan modeniti. Ia adalah kilang mimpi dan ikon pop, pancaran nilai dan falsafah tamadun, dan *consciousness*.

Kita terlupa bahawa segala-galanya yang moden itu lahir dan terbit dari falsafah. Makalah ini bukanlah bertujuan membincangkan sejarah, sifat-sifat dan hujah falsafah. Tetapi ia ingin menyatakan bahawa falsafah

memang wujud dalam gelanggang perfileman – falsafah terserlah dalam pengarah dan kandungan filem. Dan dalam era globalisasi, yang seringkali dikaitkan dengan persaingan, dominasi dan identiti, filem merupakan salah satu medium penyaluran falsafah. Jika kita lemah, kita tidak dapat memahami falsafah dan menangani mesej yang tersebar itu, apatah lagi mencorak imej yang diinginkan kepada dunia. Pada masa yang sama, zaman moden dan medium filem itu sendiri telah menghakiskan falsafah itu sehinggakan ilmu dan kebenaran itu dipaparkan dalam bentuk apa yang dapat disebut sebagai ‘agama-hiburan.’ Apa gunanya falsafah dalam perfileman?

Terlebih dahulu makalah ini menjelaskan dengan menekankan bahawa pertanyaan ‘apa gunanya?’ menandakan penularan sikap dan pemikiran kegunaan dalam masyarakat. Apa saja yang diwujudkan dan dilakukan manusia, termasuk kursus dan program di universiti, mesti diukur dari segi kegunaannya sehinggakan beberapa bidang sains sosial dan kemanusiaan diketepikan atau dianggap sebagai tidak mempunyai nilai amali kepada kita. Lihat saja kecenderungan lepas-lepasan SPM yang mendapat gred yang cemerlang – rata-rata mereka melihat jurusan-jurusan perubatan dan kejuruteraan, atau perakaunan dan perniagaan sebagai jalan menuju kejayaan dan kekayaan. Dan ruang pendidikan tinggi pula menambah satu lagi keperluan, yakni kemahiran teknologi komunikasi maklumat (ICT), dan dalam kefahaman mereka, kemahiran menggunakan komputer dalam meningkatkan literasi dan kegunaan teknologi itu. Amat jarang sekali (jika ada pun) yang kita dengar kesusasteraan, seni lukis, falsafah, atau seni filem atau perfileman sebagai pilihan generasi kini. Nyata, jurusan-jurusan tersebut atau seni filem, atau industri filem tidak dapat menarik minat ‘*the best and the brightest minds.*’ Namun kita memerlukan masyarakat perfileman yang pintar, yang dapat menyumbang kepada keamanan dan kesejahteraan negara dan dunia. Ini bertolak dari satu fenomena yang melanda masyarakat global – maklumat. Maklumat boleh merobohkan dan menghakiskan nilai-nilai asasi dan sistem sosial.

Falsafah pula dapat mempertahankan kenovelan idea-idea asasi yang mencerahkan sistem sosial. Falsafah boleh menterbalikkan penyerapan perlahan pemikiran yang telah diterima-setujui supaya berada ke arah tempat biasa yang tidak aktif. Inilah yang terdapat dalam keagungan Shakespeare. Beliau bukan hanya memaparkan kemelut kemanusiaan, tetapi, khusus melalui drama-dramanya, mengisyaratkan matlamat kehidupan insan yang paling tinggi.

Cabaran Maklumat dalam Transformasi Dunia

Maklumat adalah musuh kita. Kini masyarakat kita sedang menghadapi serangan semantik dan serangan epistemologikal yang bertubi-tubi. Agenda utama pembudayaan filem harus merangkumi hakikat tersebut. Kita terdedah dengan pelbagai unsur nilai, budaya, “agama” dan ekstrimisme. Bagaimanakah dapat kita kekalkan “keaslian” manusia, dan kemanusiaan bagi generasi kin dan masa depan? Bagaimanakah dapat kita mengelak Melayu dari menjadi manusia yang palsu? Bagaimanakah dapat kita menyelamatkan Melayu dari gerak arus yang dahsyat yang membanjiri diri kita melalui pelbagai saluran – nyata dan tidak nyata? Inilah persoalan-persoalan yang perlu kita halusi dalam perbincangan tentang filem dan perfileman.

Masyarakat kita menghadapi kegawatan demi kegawatan yang kita mungkin tidak menyedarinya dan ditawan oleh pelbagai transformasi dunia sejak beratus-ratus tahun lamanya. Meninjau pelbagai transformasi yang berlaku pada tahun-tahun 1970-an dan 1980-an pun sudah cukup untuk menakutkan kita akan gejala yang kita telah hadapi secara halus dan rakus akibat dari transformasi dunia yang telah, sedang dan akan berlaku. Dekad-dekad 1970-an dan 1980-an menyaksikan, antaranya Masyarakat Pasca Ekonomi (Kahn, 1970), Zaman Pasca Liberal (Brzezinski, 1970), Zaman Maklumat (Helvey, 1971), Masyarakat Pasca Industri (Touraine, 1971; Bell, 1973), Masyarakat Pasca Tradisional (Eisenstadt, 1972), Dunia Tanpa Sempadan (Brown, 1972), Revolusi Maklumat (Lamberton, 1974), Revolusi Elektronik (1977), Ekonomi Maklumat (Porat, 1977), Zaman Komputer (Dertouzos & Moses, 1979), Masyarakat Maklumat (Martin & Butler, 1981), Negara Komputer (Burnham, 1983) dan Jurang Industri Kedua (Piore & Sabel, 1984). Mengapa saya menyenaraikan transformasi-transformasi tersebut ialah kerana mengingatkan bahawa kita perlu faham diri kita sendiri yang hidup dalam sesuatu detik waktu dalam sejarah. Filem-filem yang tiba di pantai pemikiran kita merupakan respon sedar atau tidak diadakan transformasi-transformasi yang disebutkan itu.

Serangan-serangan maklumat itu mengajak kita ke dalam satu kanchah yang bersifat emosi. Tindakan kita dalam menangani serang-serangan itu merangkumi seluruh kewujudan kita bukan hanya pada tahap akademik dan dasar, tetapi juga pada tahap emosi dan imaginasi.

Makalah ini menimbulkan persoalan-persoalan berikut bukan untuk menuding jari kepada sesiapa, atau kepada pihak tertentu. Yang penting

ialah kita mengambil kesempatan ini untuk merenung akan pencapaian industri perfileman kita. Apakah masalah-masalah yang kita hadapi? Atau apakah sekian lama kita mencari persoalan yang salah? Jika kita bertanya soalan yang salah, maka salahlah jawapannya; dan jika kita bertanya soalan yang betul, maka betullah jawapannya. Apakah industri perfileman kita ditewas oleh zaman?

Hal ini memerlukan kita memahami dan memahami semula ilmu, kemahiran dan sikap, dan pada masa yang sama membuka ruang untuk kita memahami, mengenali dan membangun diri sendiri. Siapakah yang bertanggungjawab dalam hal ini? Apakah tindakan-tindakan yang dapat dilakukan ke arah tersebut? Untuk tujuan ini, pelbagai institusi memainkan peranan yang saling melengkapi.

Budaya Penulisan dan Filem

Bertolak dari situ, makalah ini ingin menganjurkan bahawa kita mesti melahirkan gagasan Penulis Baru. Salah satu kekuatan sesebuah filem berdasarkan kepada penulisan skrip. Saya bukan menentang usaha-usaha badan-badan seperti DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka) atau persatuan-persatuan penulis yang wujud. Isunya sekarang ialah gagasan Penulis Baru perlu dilihat sebagai satu gerak kuasa dalam membina nilai, falsafah dan *consciousness* di kalangan politik nasional.

Biar dijelaskan di sini bahawa penulisan bukan hanya satu aktiviti mencatat, merakam atau melapor, ataupun mentafsir. Penulisan merangkumi keupayaan berfikir, berdebat, berhujah, berimajinasi, mengukir fakta, objektiviti (atau sebaliknya) dan membentuk perspektif. Penulisan memberi kuasa mentakrif. Lihat sahaja tamadun Barat, dan segala kehebatan dan teknologi mereka. Faktor yang membolehkan mereka menjajah dan menakluk dunia, tamadun dan masyarakat lain ialah faktor penulisan dan faktor itu kemudiannya mentakrif kekuatan mereka dan kelemahan kita. Malah gagasan penulisan penjajalah yang telah mentakrif "Melayu" dan keseluruhan unsur keMelayuan, dan segala imej tentang Melayu, kerana apa yang dicatatkan itu merupakan konstruksi ilmu kolonial. Kuasa Barat bukanlah dalam filem-filem yang diterbitkan, tetapi terletak kepada kuasa mentakrif dunia melalui filem-filem yang diterbitkan itu.

Dengan itu, penulisan perlu dilihat sebagai dimensi bukan material tamadun manusia, yang berganding dengan dimensi material, dan pada masa yang sama memberi nilai kepada entiti material itu. Malah, penulisan

bertindak sebagai satu landasan dan gagasan hala tuju manusia bermasyarakat dan bertamadun. Dalam konteks penulisan untuk filem, gagasan penulisan adalah asas bukan hanya sebagai penyokong, pelengkap atau pemantau, tetapi juga sebagai peneraju dasar dan pelaksanaannya.

Penulisan adalah kritikal kepada pembinaan nilai dan masyarakat. Ia merupakan pancaran minda dan merupakan salah satu alat dan unsur pandangan sarwa (atau *weltanschauung*) sesuatu masyarakat itu. Fungsi penulisan dalam filem harus dilihat sebagai satu keperluan yang kritikal. Ini kerana penulisan memberi nilai kepada kewujudan bangsa, dan tamadun. Penulisan memberi *consciousness* kepada manusia. Lihat saja kepada sejarah India, China, Rusia dan Eropah. Penulisan juga dapat menjamin keamanan dan pada masa yang sama, mencetus konflik dan peperangan. Dan penulisan telah memainkan peranan penting dalam menyuburkan kesedaran nasionalisme di kalangan masyarakat.

Pendekatan Kurikulum

Apa yang ada dalam jurusan dan industri filem? Apakah jenis dan tahap kerjaya dalam filem? Sebelum itu, dapat dinyatakan bahawa tanggapan umum tentang industri filem ialah ia merupakan satu perniagaan di mana tujuan muktamad ialah mengaut keuntungan. Kenyataan ini sudah tentu bertentangan dengan falsafah yang percaya bahawa filem adalah suatu bentuk seni yang terhasil oleh insan-insan kreatif dan imaginatif di mana objektif mereka ialah mencapai kecemerlangan estetika. Walaupun memang benar filem itu merupakan satu bentuk seni, industri filem merupakan satu perniagaan untuk mendapat keuntungan. Dapat dikatakan bahawa estetika dan falsafah hanya merupakan cebisan daripada penghasilan filem. Jangan dilupakan bahawa filem juga, dalam pelbagai genre yang ada, merupakan satu projek politik.

Selain dari pengeluar/penerbit, penulis dan pengarah, industri perfileman memerlukan kepakaran modal insan (*human capital*) – penyunting, jurukamera, penata seni, dan seterusnya sebagai pengarah/pengurus promosi, pengurus perniagaan, pakar pengiklanan, *publicists*, dan penyelidik pemasaran. Terdapat dua saluran mencari pengalaman dalam perfileman. Pertama, mendaftar sebagai pelajar filem di kolej atau universiti; dan kedua, membuat filem sendiri. Dan seterusnya, mencari pekerjaan dalam syarikat pengeluaran. Ini secara umum. Di sini saya

ingin mengalih perhatian saudara kepada beberapa pendekatan dalam pendidikan dan latihan perfileman. Persoalannya, relevankah pendidikan perfileman? Persoalan itu bertolak dari beberapa andaian: (1) Sesiapa sahaja boleh memasuki bidang perfileman – boleh menjadi penerbit, pengarah, penulis, penyunting dan sebagainya. Ia merupakan profesion terbuka; (2) Seseorang itu tidak perlu atau wajib lulus bidang pengkhususan atau jurusan filem – seperti wajib lulus dalam bidang perubatan atau undang-undang sebelum menjadi ahli profesion; (3) Pendidikan filem adalah fenomena Amerika Syarikat – latihan dan pendidikan filem diwujudkan pada peringkat tertinggi penganugerahan ijazah.

Seterusnya, dalam konteks pendidikan filem, di manakah terletakinya kajian filem itu? Adakah ia di bawah bidang komunikasi, di bawah pengajian media, di bawah seni persembahan, di bawah pengajian sains sosial atau ilmu kemanusiaan; ataupun khusus di bawah pengajian filem itu sendiri? Sebenarnya, di manakah terletakinya kurikulum dan pemikiran filem itu? Apakah kurikulum filem perlu tunduk kepada aliran-aliran pasaran dan industri? Apakah industri dan profesion menjadi pengukur kepada nilai dan falsafah yang ada pada pendidikan filem? Ataupun, apakah kurikulum dan pendidikan filem perlu dilihat dengan lebih luas lagi dalam erti kata selari dengan tradisi intelektual penubuhan sesebuah universiti yang lahir dari istilah Latin – *universitas* yang bersifat universal?

Bertolak dari persoalan-persoalan tersebut, mungkin kita dapat merujuk kepada beberapa paradigma yang dapat menjadi pilihan dalam falsafah dan konsep pendidikan filem:

1. Model Keagamaan

Ini bermakna pendidikan perlu mengajar tentang kebenaran dan ketuhanan, disiplin perlu diutamakan melalui konteks berkenaan. Melalui model ini, teks-teks tertentu harus diwajibkan untuk dibaca.

2. Model Kawalan Nasional-Sosial

Di sini pendidikan membantu individu menjadi ahli masyarakat dan negara yang bertanggungjawab. Pendidikan membantu membentuk sekumpulan tenaga intelektual yang produktif dalam bersaing pada tahap ekonomi dunia.

3. Model Birokratik

Ini berasaskan kepada model kilang – buat dan hantar. Kecekakan dan keberkesanan merupakan prinsip utama dalam konteks perancangan strategik.

4. **Model Pasaran**
Menuntut kurikulum memenuhi kehendak pelanggan dan pelanggan (dalam hal ini audien) sentiasa betul. Pelajar perlu dilatih untuk bekerja dalam sistem pasaran. Kemahiran teknikal merupakan panduan dan misi pendidikan.
5. **Model Humanistik**
Falsafah kurikulum adalah berasaskan kepada idea-idea *Enlightenment* dan kemajuan, serta akal.
6. **Model Informasi Elektronik**
Pedagogi disalurkan melalui teknologi baru (digital kini). Interaksi perlu diadakan di antara pelajar-pelajar, pelajar-pengarang, pelajar-guru. Kurikulum merupakan proses kehidupan berterusan yang *merentasi ruang dan masa. Melalui informasi, akal budi dapat diluaskan manakala teknologi pula dapat membebaskan kita dari belenggu kemunduran.*
7. **Model Kerohanian**
Kurikulum adalah mencari hakikat tentang siapa diri kita. Kurikulum menarik perhatian kepada mengetahui diri bertujuan mengubah masyarakat – perubahan luaran dan dalaman.

Jika kita perhatikan kurikulum filem yang terdapat di Malaysia, ia pada umumnya mempunyai ciri-ciri (2), (3), (4), dan (6).

Jika kita ambil satu contoh kurikulum pengajian filem di sebuah universiti di negara Barat yang terkenal dengan kehebatan penerbitan filem, lazimnya sebuah program ijazah sarjana muda mengambil pendekatan interdisiplinari. Ia melihat filem dalam konteks kemanusiaan yang lebih luas yang merangkumi:

1. budaya imej, pergerakan dan visual
2. pemikiran berbentuk sejarah, teori dan analisis tentang bentuk-bentuk sinema
3. melihat filem dari sudut pelbagai disiplin termasuk Antropologi, Pengajian Etnik, Sains Politik, Retorik, Kesusasteraan Perbandingan, Sosiologi, Psikologi, Falsafah, Sejarah, Teologi, Linguistik dan Bahasa.

Kursus utama (*core courses*) termasuk sejarah filem bisu dan bunyi, dokumentari, filem avant-garde, teori filem, genre filem, media baru, dan sinema nasional.

Program-program peringkat sarjana dan kedoktoran pula merangkumi pengajian teks, wacana, sejarah, undang-undang, agama, kesusasteraan,

teori politik, strukturalisme dan pasca-strukturalisme, teori Kritikal, pasca-kolonialisme, dan persejarahan filem.

Petunjuk *Consciousness* Filem

Banyak yang telah diperkatakan tentang fenomena globalisasi dan bagaimana kita harus menanganinya. Jika kita inginkan hasil kerja kita diterima seantero dunia, kita hendaklah mengukur kejayaan dan pencapaian kita dengan yang terbaik. Dalam konteks pemikiran dan kurikulum filem, kita hendaklah setanding dengan yang ada di dunia. Tetapi sesuatu kurikulum itu tidak wujud dengan sendirinya. Sesuatu kurikulum itu dicorak oleh landskap pemikiran masyarakat dan ketamadunan dan piawai yang diletakkan oleh elit dalam sesebuah masyarakat itu. Apa yang terpancar dalam sesebuah filem ialah '*consciousness*' – '*consciousness*' pengarah dan penulis skrip; serta '*consciousness*' kolektif sesebuah tamadun itu. Kita berwacana tentang tahap perfileman negara. Apakah faktor-faktor yang menentukan dan mencorakkan tahap itu? Tentu sekali banyak. Faktor-faktor itu dapat disenaraikan seperti berikut:

1. tabungan idea
2. tabung/kewangan
3. audien
4. kekuatan identiti
5. kreativiti
6. teknologi
7. celik huruf
8. celik visual
9. celik sejarah
10. literasi sains
11. pengeluaran buku (tajuk/tahun)
12. jumlah periodikal (tajuk/pengedaran/pembacaan)
13. jumlah perpustakaan
14. kadar pembacaan buku (tahun)
15. sekolah/pusat pengajian filem
16. kesedaran sejarah
17. budaya politik
18. kehalusan seni
19. kemahiran pekerja industri filem

20. kepakaran pengajar perfileman
21. modal insan
22. pengalaman/pemikiran/keintelektualan pengarah
23. unsur tamadun
24. budaya dan kekuatan penulisan

Orientasi Kepakaran

Dalam makalah ini, saya ingin menarik perhatian kepada tenaga kepakaran yang ada pada fakulti sebuah program pengajian filem. Di sini telah diteliti maklumat biografi atau biodata mereka yang berkenaan dengan tujuan untuk menunjukkan bahawa walau apa pun alasan yang diberi merujuk kepada penilaian/kritikan sesebuah filem, faktor yang sama kritikal ialah kepakaran guru/tenaga pengajar yang mencerminkan orientasi dan nilai dominan masyarakat, *zeitgeist* dan pandangan sarwanya. Merekalah yang mencorak pemikiran kurikulum di sebalik sesebuah program perfileman. Untuk itu, makalah ini ingin menyenaraikan pencapaian hasil penulisan guru-guru berkenaan. Ini adalah kerana ia boleh dijadikan indeks tahap modal yang ada pada kumpulan pengajaran perfileman itu. Indeks modal ini dicerminkan oleh tajuk-tajuk buku dan penglibatan penulisan.

C. Wilder, bekas Profesor Pengajian Komunikasi: *Rigor and Imagination: Essays from the Legacy of Gregory Bateson*

D. Boyle, ahli sejarah video, pengkritik media, perunding: *Subject to Change: Guerrilla Television Revisited* (1997), *Video Preservation* (1993), *Video Classics* (1986). Menerbit dalam *Afterimage*, *ARTnews*, *Cineaste*, *The Independent*, *Journal of Film and Video*, *Television Quarterly*, *Wide Angle*, *The Village Voice*

P. Carpignano: Pensyarah Kanan: *Crisis and Workers' Organization, The Formation of the Mass Worker in the USA*

S. S. Chakravarty, Profesor Media dan Pengajian Budaya: *National Identity in Indian Popular Cinema* (1993), *The Enemy Within: The Films of Mrinal Sen*, editor (2000)

E. Ellsworth, bekas Profesor Teknologi Komunikasi Pendidikan: *Teaching Positions: Difference, Pedagogy, and the Power of Address* (1997)

K. Laybourne, Ketua Projek Khas dan Animasi: *The Animation Book* (1979)

S. Mattern: *Public Spaces, Info Spaces: Creating the Modern Urban Library* (2005)

P Ryan: *Cybernetics of the Sacred, Video Mind, Earth Mind*. Menerbit dalam *Leonardo, Afterimage, Millenium, Terra Nova, Semiotica*

R. Berkman: *Digital Dilemmas: Ethical Issues for Online Media Professionals* (2003), *The Skeptical Searcher* (2003), *Find it Fast: How to Uncover Expert Information on Any Subject* (2000)

R. S. Brown: *Focus on Godard and Overtones and Undertones: Reading Film Music*

R. Dhara, pereka grafik dan media interaktif: menerbit dalam *Spectrum* dan *India International Center Quarterly*

V. Filipsevic, calon Ph.D: menerbit dalam *Film Criticism, Cineaste*

M. P. Friedling, penerbit video, filem dan pengkritik: *Recovering Women: Feminism and Representations of Addiction* (2000)

D. Kamiel, penerbit televisyen dan penulis: *The Lace Ghetto*

H. McGuckin, Profesor Emeritus: *The Process of Persuasion, Contemporary Public Discourse, Concepts in Communication*

C. Warner, eksekutif AOL, bekas Profesor Penyiaran: *Broadcasting and Cable Selling*

Dari apa yang disenaraikan, kita mendapati bahawa para tenaga pengajar sebuah program perfileman banyak menghasilkan pemikiran mereka tentang perfileman, komunikasi, pengajian media, kesusasteraan dan lain-lain bidang. Mereka juga banyak menghasilkan dokumentari, filem, dan lain-lain pengeluaran dan penerbitan visual.

Gagasan Dasar

Dengan itu, makalah ini ingin mencadangkan penubuhan Institut Pengajian Filem Nasional (IPFN). Badan ini bertindak sebagai pusat penyelidikan filem negara. FINAS tidak boleh bertindak demikian. Antara fungsi FINAS adalah badan membiayai, dan mengawal dari segi perlesenan filem. ASWARA, serta lain-lain sekolah perfileman pula bertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran dari segi melatih dan mendidik manusia untuk bekerja dalam industri perfileman. Ini adalah masanya untuk memulakan usaha melihat filem dan perfileman bukan hanya sebagai hiburan, tetapi sebagai ekspresi budaya, sosial, dan aspirasi bangsa dan negara. Ia dapat membuka ruang falsafah dan amalan filem dan perfileman dengan menggunakan medium tersebut dalam senario politik negara serta dalam diplomasi dan perhubungan luar Malaysia.

IPFN akan membabitkan bidang filem pada tiga tahap wacana – wacana dasar, wacana akademik, dan wacana popular. IPFN dapat membentuk satu forum di kalangan para sarjana dari semua bidang dan disiplin – sains, ilmu kemanusiaan, sains sosial, falsafah dan teknologi, serta penyelidik, pengarah, penerbit, penulis, pengkritik dan sebagainya untuk mengkaji filem dan perfileman dari pelbagai dimensi dan perspektif – sejarah, falsafah, sosiologi, antropologi dan teknologi.

Kita menyebut tentang filem Malaysia era globalisasi. Bagaimanakah kita mentafsir maksud tema tersebut? Beberapa tafsiran yang dapat difikirkan ialah seperti berikut:

- Apakah kita takut akan ‘dasar’ globalisasi?
- Apakah globalisasi akan membawa kesan yang parah kepada filem kita?
- Apakah globalisasi satu perangkap kepada pembikinan dan pengeluaran filem kita?
- Apakah globalisasi memberi peluang kerjasama dalam penerbitan filem?
- Apakah idea globalisasi perlu ditolak?
- Bentuk globalisasi jenis mana yang lebih merbahaya – perdagangan atau budaya, nilai dan pemikiran?
- Apakah globalisasi akan menjajah filem kita?
- Bagaimanakah dapat kita menyumbang dan menyorok proses globalisasi itu?

Bertolak dari beberapa persoalan tersebut, IPFN dapat mengkaji institusi dan tradisi penerbitan filem bukan hanya secara empirisnya di

Malaysia, tetapi juga di dunia Melayu, Asia, dan di rantau tamadun Barat. Fokus umum IPFN ialah sejarah pemikiran filem dan pemikiran di sebalik filem sebagai gagasan dan filem sebagai penerbitan. Dalam hal ini, pendekatan-pendekatan utama ialah sosiologi, antropologi, linguistik, psikologi, kesusasteraan, kewartawanan, sains kognitif, ekonomi, pengajian budaya, sejarah dan falsafah teknologi, serta beberapa bidang sains. Bidang penyelidikan dapat disenaraikan seperti berikut (senarai berikut tidak 'exhaustive'):

- Sejarah filem dan perfileman
- Sejarah filem Melayu dan dunia Melayu
- Filem sebagai sejarah
- Filem sebagai seni
- Filem sebagai sains
- Teknologi perfileman
- Falsafah filem
- Propaganda dan filem
- Filem cereka
- Filem dokumentari
- Konsep sinema
- Filem sebagai komunikasi massa
- Pembacaan filem
- Filem dan modenisme
- Filem dan pasca-modenisme
- Filem dan tradisi
- Penapisan dan kawalan filem
- Etik filem
- Filem dan pandangan sarwa
- Filem, kepercayaan dan ideologi
- Ekonomi filem
- Filem dan kapitalisme
- Filem di negara-negara Islam
- Filem dan kolonialisme
- Filem dan tamadun

Dengan itu, objektif IPFN ialah

- Membina satu korpus ilmu tentang filem dan perfileman
- Menyumbang kepada wacana filem pada tahap dunia
- Meluaskan hasil penyelidikan di kalangan sarjana dan penyelidik
- Meluaskan hasil penyelidikan kepada sektor industri filem, awam dan bukan kerajaan

- Menilai semula peranan filem dalam masyarakat
- Meneroka semiotik Melayu dan lain-lain budaya melalui filem

Kaedah konstruksi ilmu IPFN adalah melalui tiga cara. Pertama melalui proses-proses penyelidikan, persidangan, penerbitan, dan pengembangan, serta juga penyeliaan (peringkat pascasiswazah). Kedua IPFN membina ilmu melalui orientasi, yakni, mengenal pasti disiplin, bidang dan tema yang dapat membantu kita memahami dan menyelami filem dan perfileman. Pendekatan yang diambil ialah pelbagai disiplin, antara disiplin dan merentasi disiplin. Dan ketiga, IPFN menghasilkan ilmu melalui produk yang berbentuk analisis akademik, kepentingan strategik dan dasar, serta pangkalan data tentang filem dan perfileman – dari segi teks dan konteks.

Untuk tujuan itu, IPFN perlu membentuk sebuah arkib dan repositori filem dan segala bahan tentang filem, termasuk penerbitan dan penulisan dari seluruh dunia. Siapakah yang akan menggunakan hasil kajian IPFN? Kegunaannya dapat dikenal pasti dari

1. sektor industri dan komersial: projek khusus, hasil penyelidikan, penyelidikan dan pembangunan
2. sektor awam: projek khusus, hasil penyelidikan, penyelidikan dan pembangunan
3. masyarakat: badan bukan kerajaan, organisasi media
4. rangkaian dengan institusi luar negara

Petunjuk prestasi IPFN ialah seperti berikut:

1. jumlah penyelidikan
2. jumlah penerbitan
3. jumlah kertas kerja
4. jumlah grant penyelidikan
5. jumlah seminar/persidangan
6. jumlah perundingan
7. jumlah pelajar pascasiswazah
8. jumlah kepakaran

Bertolak dari cadangan tersebut, makalah ini ingin menganjur beberapa tahap cadangan bagi mencorak dasar filem negara.

Semua pihak dan segenap lapisan masyarakat mesti mengambil kesempatan dalam seminar ini untuk merumus dan merancang satu gagasan baru kepada industri perfileman negara. Kita perlu melihat kesempatan ini sebagai satu detik dalam perjalanan sejarah yang akan menentukan sejarah masa depan kita. Di sini kita perlu melihat cara-

cara pelaksanaannya, siapa yang bertanggungjawab melaksanakannya, struktur dan institusi yang diperlukan dalam menentukan kewujudan dasar itu.

Pertama

Pendekatan memahami semula dasar perfileman negara perlu dilihat sebagai kaitan beberapa dasar, inisiatif, program dan projek beberapa kementerian, agensi dan badan kerajaan. Untuk ini, semua pihak berkuasa perlu secara konsensus dan sepakat menggembelng tenaga membina budaya penghasilan filem. Budaya ini dapat dibina apabila pelbagai peluang pembelajaran dapat diwujudkan untuk kepentingan rakyat melalui program dan kursus yang ditawarkan oleh agensi dan institusi sektor awam, swasta dan organisasi bukan kerajaan.

Kedua

Soal kesedaran bangsa dan identiti ditimbulkan. Saya menyarankan bahawa kempen filem Malaysia serta keaslian pengeluaran filem hendaklah dilancarkan semula oleh kerajaan secepat mungkin (2006) sebagai Dasar Bersepadu Negara dalam pemangkin arus-gelombang kedua Wawasan 2020 dan pembangunan K-ekonomi.

Ketiga

Jentera pengeluaran maklumat dan budaya hendaklah diperkukuhkan dan diperkasakan. Dalam hal ini, filem hendaklah dilihat sebagai salah satu komponen utama dalam memantapkan daya fikir dan daya budi masyarakat. Mempopularkan dimensi perfileman melibatkan media massa, dan kerajaan melalui kementerian-kementerian berikut: Kebudayaan, Kesenian dan Warisan; Penerangan; Sains, Teknologi dan Inovasi; Pelajaran; Pendidikan Tinggi; dan Luar Negeri. Ini melibatkan kempen literasi filem untuk semua.

Keempat

Saya mencadangkan penubuhan Majlis Penasihat Filem Malaysia yang melaporkan kepada Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan untuk mengawasi fungsi dan perjalanan IPFN. Majlis tersebut adalah untuk menyemak penyelidikan, pendidikan, industri dan pengamalan

pekerja-pekerja filem, membuat perakuan berkaitan Dasar Perfileman yang komprehensif, koheren, relevan, dan berkesinambungan.

Kelima

Usaha mewujudkan kesedaran tentang industri perfileman ini juga melibatkan kewujudan dana serta mekanisme yang dapat membantu kempen itu.

Keenam

Serentak dengan itu, Agenda Perfileman Nasional melibatkan pembudayaan kritikan, literasi dan apresiasi filem, dan segala tabiat yang terbaik dalam membentuk ketahanan identiti dan diri terhadap konteks penerbitan filem.

Ketujuh

Kerajaan dan pihak bukan kerajaan perlu menggubal misi serta Pelan Tindakan memajukan Filem dan Industri Filem. Semua pihak terbabit dalam menyokong dan memeluk konsep perfileman ini.

Kelapan

Semua institusi yang mengajar dan melatih dan mendidik pelajar dalam perfileman pada semua tahap pendidikan dari peringkat kolej ke universiti, dari diploma dan ijazah profesional hendaklah mengkaji kurikulum dari segi struktur, penawaran mata pelajaran, pengajaran, pembelajaran, dan pembinaan teori.

Kesembilan

Para penyelidik, cendekiawan dan sarjana, penerbit, pengarah dan penulis perlu memastikan penubuhan satu institut yang mengkaji bidang seni dan sains perfileman – Institut Penyelidikan Filem Nasional (IPFN).

Kesepuluh

Peranan media massa termasuk akhbar, televisyen, dan radio. Media massa mesti memaparkan filem bukan hanya sebagai hiburan tetapi

juga sebagai agen perubahan, identiti, sumber maklumat, pendidikan dan sebagainya.

Kesebelas

Filem perlu dilihat sebagai satu medium penting dalam mencipta dan mengurus kandungan melalui pelbagai medium teknologi.

Kesimpulan: Filem sebagai Seni dan Sains

Signifikan penulisan dalam membina pemikiran filem dan industri perfileman ini dapat dikaitkan dengan memahami sains dan teknologi yang dibawa oleh gerak kuasa ekonomi dan globalisasi yang membolehkan kita mendapat akses kepada teknologi dan menggunakan teknologi dalam setiap aspek kehidupan.

Dalam keghairahan kita menuju ke tahap masyarakat maju dan tamadun tinggi, kita hendaklah memahami tentang *embodiment* teknologi itu sendiri. Sama ada kita ingin menafikan atau tidak, kita kini dijajah oleh teknologi dan segala nilai dan ideologi yang lahir dari medium dan pancaran teknologi itu sendiri. Kita dikenali dengan daya usaha memeluk teknologi, kita mengguna teknologi dan menciptakan teknologi. Kefahaman kita tentang teknologi dicorakkan oleh takrif popular teknologi itu sendiri – yakni, teknologi komunikasi maklumat (TMK) – ‘*the defining technology*’ untuk manusia moden – dan untuk Melayu moden.

Tetapi apakah sebenarnya teknologi yang kita gunakan ini? Teknologi bukan hanya benda atau kewujudan material, tetapi juga kewujudan bukan material. Jika kita ingin memahami filem sebagai teknologi, kita juga pada masa yang sama mesti menghayati falsafah teknologi. Konsep, serta dimensi bukan material teknologi itu, dan nilai teknologi itu sendiri, hanya dapat diberi melalui penulisan, yang lahir dari pemikiran dan penuturan. Penulisan memberi makna kepada teknologi yang kita gunakan. Dengan itu kelahiran kumpulan/masyarakat Penulis Baru – yang bukan hanya menulis novel dan bahan-bahan kesusasteraan, tetapi menulis tentang pelbagai bidang teknologi dan sains, dan tentang pelbagai aspek kehidupan – adalah amat kritikal.

Perlu diingatkan bahawa wacana tentang sains dan seni perfileman memerlukan kita memahami semula sains, teknologi dan kesusasteraan dan dengan itu, memahami semula filem. Dan apabila dianjurkan supaya

dimulakan gagasan Penulisan Baru, kita bukan hanya menumpukan kepada penulisan sains dan teknologi, tetapi juga kepada seni dan kesusasteraan. Seni dan kesusasteraan dapat memberi naratif dan ruang nilai kepada pertembungan kita dengan teknologi dan sains.

Peranan penerbit dan pengarah filem amat kritikal dalam memberi ruang dan memberi bentuk kepada penulisan itu. Manusia mudah lupa; justeru, penulisan dapat mengingatkan kita, menjadikan bahan rujukan, memenuhi jiwa, membolehkan kita bertindak dan membuat keputusan dalam sesuatu keadaan. Malah kita mesti memperbaharui kefahaman tentang penulisan bukan hanya sebagai satu aktiviti dan perbuatan, tetapi sebagai pemangkin kepada erti pembangunan dan penghubung diri kita dengan dunia luar.

Dalam menangani fenomena globalisasi, apparatus pengeluaran budaya dan maklumat perlu setanding dengan apa yang ada di dunia maju dari segi teknologi, bentuk, kandungan, kreativiti dan pengurusan. Dalam hal ini, filem menjadi penyinar dunia. Filem juga merupakan rentetan sejarah dan evolusi masyarakat manusia. Penulis dan pengarah filem adalah pada masa yang sama ahli sejarah, sosiologi, antropologi dan falsafah.

Rujukan

- Bell, D. (1973). *The coming of post-industrial society: A venture in social forecasting*. New York: Basic Books.
- Brown, L. R. (1972). *World without borders*. New York: Random House.
- Brzezinski, Z. (1970). *Between two ages: America's role on the technotronic era*. New York: Viking Press.
- Burnham, D. (1983). *The rise of the computer state*. New York: Random House.
- Dertouzos, M. L., & Moses, J. (Ed.). (1979). *The computer age: A twenty-year view*. Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Eisenstadt, S. N. (Ed.). (1972). *Post-traditional societies*. New York: Norton.

- Helvey, T. C. (1971). *The age of information: An interdisciplinary survey of cybernetics*. Englewood Cliffs, N. J.: Educational Technology Publications.
- Kahn, H. (1970). *Forces of change in the final third of the twentieth century*. Croton-on-Hudson, N.Y.: Hudson Institute.
- Lamberton, D. M. (Ed.). (1974). *The information revolution*. Annals of the American Academy of Political and Social Science, jilid 412, Philadelphia: American Academy of Political and Social Science.
- Martin, J., & Butler, D. (1981). *Viewdata and the information society*. Englewood Cliffs, N. J.: Prentice-Hall.
- Piore, M. J., & Sabel, C. F. (1984). *The second industrial divide: Possibilities for prosperity*. New York: Basic.
- Porat, M. U. (1977). *The information economy: Definition and measurement*. Washington: Office of Telecommunications, U.S. Department of Commerce.
- Touraine, A. (1971). *The post-industrial society*. New York: Random House.

AHMAD MURAD MERICAN, PhD, is a Professor at the Department of Management & Humanities, Universiti Teknologi PETRONAS, in Bandar Seri Iskandar, Perak, Malaysia. His academic and research interests include Malay Media Studies, Media and Intellectual History, and History of Social Science. He has published two monographs, six books (four edited volumes), journal articles and book chapters on his areas of interest. One of his books is titled *Media History: Worldviews and Communication Futures* (University of Malaya Press, 2005). He formerly taught at the Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA.